

TNB jaga kepentingan pemegang ekuiti utama

Daripada Azman Abdul Hamid di London **BH** 5 OCT 2000

TENAGA Nasional Berhad (TNB) mengutamakan pengurusan korporat, ketelusan, meningkatkan produktiviti serta kelicinan membuat keputusan yang pada asasnya bermatlamat menjaga kepentingan pemegang ekuitinya.

Pengerusi TNB, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis, berkata perkara itu akan ditekan oleh beliau dalam pertemuan dengan pengurus dana dan pemegang ekuiti TNB di London, hari ini.

"Saya akan memberitahu mereka bahawa pada asas-

Pemegang ekuiti terbesar dalam TNB adalah kerajaan dan sudah tentu kedudukan kewangan syarikat yang teguh perlu dilindungi

nya, TNB akan berusaha menjaga kedudukan kewangan syarikat supaya dapat memberi nilai kepada pemegang ekuiti.

"Apa yang penting, pemegang ekuiti terbesar dalam TNB adalah kerajaan dan sudah tentu kedudukan kewangan syarikat yang teguh perlu dilindu-

ngi," katanya ketika diminta mengulas apakah kebimbangan pengurus dana dan pemegang ekuiti TNB sebelum pertemuan itu.

Beliau mengulas demikian kepada wartawan ketika mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melawat pusat penyelidikan

Frazer N Nash di Surrey (Fanborough), hari ini.

Kebimbangan itu berpunca daripada prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) yang menurun sejak beberapa minggu lalu.

Bagaimanapun, Jamaluddin berkata, keadaan itu tidak akan berlarutan kerana harga saham TNB sudah naik daripada RM10.90 kepada RM11.80.

Kenaikan itu juga mungkin dibantu dengan peningkatan taraf TNB oleh agensi penarafan antarabangsa, Moody's, yang mengubah

penarafan daripada negatif kepada stabil.

Jadi, beliau yakin pertemuannya dengan pengurus dana dan pemegang ekuiti TNB akan berjalan lancar.

Mengenai perancangan masa depan TNB untuk menyediakan sumber tenaga mencukupi, Jamaluddin berkata, kehendak semasa ialah penyaluran sumber tenaga hidro.

Beliau berkata, sebahagian besar sumber tenaga di Malaysia adalah berasaskan gas dan arang batu, sedangkan keperluan sema-

sa berdasarkan perancangan TNB adalah pembinaan janakuasa hidro yang lebih murah dan mesra alam.

Oleh itu, katanya, TNB memandang penting pembinaan infrastruktur tenaga menerusi empangan Bakun.

"Satu contoh ialah penyaluran tenaga hidro di sebuah empangan Itapo di Amerika Selatan," katanya.

Oleh itu, beliau berharap, kerajaan dapat membuat keputusan segera mengenai Bakun.